

EDITORIAL

The current issue of *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* comprises six articles on issues concerning linguistics, translation, Islamic culture and geography. The first article is an interesting discussion on the construction of interpersonal meaning in science classrooms. Based on a study carried out in Indonesia, the author discusses the issue of the integration of semiotic modes, namely language, space and gaze that are used by the teacher and students in the science classroom and the power relations manifested. The different semiotic resources used by the teacher and students in the study reflect a dynamic classroom situation, one where the teacher-student relationship is built on rapport and mutual respect.

The second article is an analysis of politeness strategies in the popular Oprah Winfrey talk show. The focus of the study is on the relationship between positive politeness strategies and ethnicity, particularly between the host of the show, Oprah Winfrey, and her guests. Based on the host's interviews with African-American and Caucasian guests, the study analysed the strategies used and the effects of speakers' ethnic background on positive politeness strategies. The findings reveal that there are some differences in the use of strategies which the author suggests has implications for foreign/second language speakers.

The following article discusses the issue of cross-cultural meaning in translation works based on an analysis of the translation of the Arabic form *qāla* [قال] in Qur'anic narrative dialogues into Malay. Based on data extracted from the chapter *al-Kahf* in the Qur'an, the translation of *qāla* [قال] and its derivations were identified and evaluated based on two translation theories. The analysis suggests that the translation of the Arabic form into Malay varies and there is room for improving lexical translations. In relation to this, translations that are based on the communicative translation theory, according to the authors would yield more interesting and effective translations of Qur'anic narrative dialogues.

In the fourth article, also on the issue of translation, the authors focus on the translation of "typical *yuqi zhuci*" which are abstract words found at the end of speeches in Chinese language, into Malay. Since the use of the abstract words is not applicable in the Malay language, the challenge is therefore to examine their function and accessibility in their translation into Malay. An analysis of selected items suggests that the different "functions can be delivered from the source language to Malay language via contextual consideration". This suggests that the transference is not reliant on finding lexical equivalents but by understanding the functions of the typical *yuqi zhuci* in the source text.

The fifth article in this publication is an elegant discussion on lessons in art and architecture in the Qur'an, particularly in the chapter or *surah al-Shu'ara'* (the Poets). Based on the content of the *surah*, the author argues that poetry as a form of art "cannot be equated with" a divine revelation nor can poets be equated with the Prophet Muhammad (pbuh) and his followers. He also argues, based on the *surah*, that architecture should not be seen as

symbol of one's position. Instead both poetry and architecture should be treated as "human-made signs" that are inspired by "the signs of revelation and amidst the innumerable signs of creation".

The final article discusses an issue relevant to human and geography. Based on a study in Pulau Pinang in Malaysia, the article addresses an issue that plagues many urban localities around the world, namely housing stress. The notion of housing stress usually refers to issues concerning the financial burden of households, however there are other contributing factors. Based on a survey on housing stress among residents in low and low-medium cost houses in various urban areas in Pulau Pinang, the study found that most respondents are burdened with allocating almost one-third of their income on housing. Despite this, they attributed the quality of housing and environmental quality of housing areas as the main causes for their housing stress.

Hajar Abdul Rahim
Editor-in-Chief
May 2019

RENCANA PENGARANG

Isu *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* kali ini mengandung enam buah makalah dalam bidang linguistik, terjemahan, budaya Islam dan geografi. Makalah pertama merupakan perbincangan yang menarik tentang pembentukan makna interpersonal dalam kelas sains. Berdasarkan satu kajian yang dijalankan di Indonesia, makalah tersebut membincangkan isu integrasi mod semiotik, iaitu bahasa, ruang dan renungan yang digunakan oleh guru dan pelajar dalam kelas sains dan hubungan kuasa yang terbentuk. Sumber semiotik yang berbeza yang digunakan oleh guru dan pelajar dalam kajian tersebut mencerminkan kedinamikan situasi kelas, iaitu hubungan guru-pelajar terbentuk daripada hubungan baik dan saling hormat.

Makalah kedua pula merupakan analisis terhadap strategi kesantunan dalam rancangan bicara Oprah Winfrey yang popular. Fokus kajian tersebut adalah terhadap hubungan antara strategi kesantunan positif dengan etnisiti, khususnya antara hos rancangan, iaitu Oprah Winfrey dengan tetamunya. Berdasarkan wawancara antara hos dengan tetamu Afrika-Amerika dan Kaukasia, penulis menganalisis strategi yang digunakan dan kesan latar belakang etnik penutur terhadap strategi kesantunan positif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa beberapa perbezaan penggunaan strategi yang dicadangkan oleh penulis mempunyai implikasi terhadap penutur bahasa asing dan penutur bahasa kedua.

Makalah seterusnya membincangkan isu makna silang-budaya dalam kerja terjemahan berasaskan analisis terhadap penterjemahan leksikal Arab *qāla* [قال] dalam dialog naratif al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Berdasarkan data yang diambil daripada surah *al-Kahf* dalam al-Quran, penterjemahan *qāla* [قال] dan derivasinya dikenal pasti dan dinilai berdasarkan dua buah teori terjemahan. Dapatan kajian mencadangkan bahawa penterjemahan leksikal bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu berbeza-beza dan oleh itu terjemahan berkenaan masih boleh diperbaiki. Sehubungan itu, penulis mencadangkan bahawa terjemahan yang menggunakan teori penterjemahan komunikatif dapat menghasilkan terjemahan dialog naratif al-Quran yang lebih menarik dan berkesan.

Makalah keempat yang juga membincangkan isu penterjemahan berfokus pada penterjemahan ke dalam bahasa Melayu *yuqi zhuci* tipikal, iaitu kata abstrak yang digunakan di akhir pertuturan bahasa Cina. Oleh sebab kata abstrak tersebut tidak terdapat dalam bahasa Melayu, cabaran yang timbul adalah untuk meneliti fungsi dan ketersampaian terjemahannya dalam bahasa Melayu. Analisis terhadap item terpilih mencadangkan bahawa “fungsi *yuqi zhuci* tipikal daripada teks sumber kepada teks bahasa Melayu berupaya disampaikan melalui pertimbangan terhadap konteks”. Hal ini menunjukkan bahawa ketersampaian fungsi *yuqi zhuci* tipikal tidak bergantung pada padanan leksikal dalam teks sasaran tetapi bergantung pada pemahaman terhadap fungsinya dalam teks sumber.

Makalah kelima dalam penerbitan ini merupakan satu perbincangan yang elegan tentang pembelajaran seni dan seni bina dalam al-Quran, khususnya dalam surah al-Shu'ara' (Penyair). Berdasarkan kandungan surah tersebut, penulis membahaskan bahawa puisi

sebagai satu seni tidak boleh disamakan dengan wahyu Ilahi, begitu juga penyair tidak boleh disamakan dengan Nabi Muhammad saw dan pengikutnya. Berdasarkan surah tersebut juga, penulis menekankan bahawa seni bina tidak seharusnya dilihat sebagai simbol kedudukan seseorang. Puisi dan seni bina sewajarnya dianggap sebagai lambang karya manusia yang merupakan sebahagian daripada sekian banyak lambang ciptaan yang diinspirasi oleh lambang wahyu.

Makalah terakhir membincangkan isu yang relevan dengan manusia dan geografi. Berdasarkan satu kajian di Pulau Pinang, Malaysia, makalah ini memperkatakan isu yang melanda kawasan bandar di serata dunia, iaitu tekanan perumahan (*housing stress*). Konsep ini lazimnya merujuk kepada faktor isu bebanan kewangan isi rumah walaupun terdapat juga faktor penyumbang lain. Berdasarkan kaji selidik masalah ini dalam kalangan penghuni rumah kos rendah dan sederhana rendah di pelbagai kawasan bandar di Pulau Pinang, didapati bahawa kebanyakan responden dibebani masalah memperuntukkan lebih daripada satu per tiga pendapatan untuk kos perumahan. Sungguhpun begitu, mereka menyatakan bahawa kualiti perumahan dan persekitaran kawasan perumahan ialah punca utama tekanan perumahan yang mereka hadapi.

Hajar Abdul Rahim
Ketua Sidang Pengarang
Mei 2019